

KHUTBAH JUMAAT

“KEAMANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA” (26 Mac 2021M/ 12 Syaaban 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk : **‘Keamanan Negara Tanggungjawab Bersama.’**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala* atas nikmat yang amat besar kepada negara kita iaitu keamanan, keselamatan dan keharmonian negara. Sejarah ketamadunan manusia menjadi bukti bahawa nikmat keamanan memberi

sumbangan besar ke arah keselamatan, kesejahteraan, kemajuan dan kemakmuran negara, serta keteguhan syiar Islam.

Nabi Ibrahim *alaihissalam* pernah berdoa kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar bumi Mekah dikurniakan dengan keamanan dan kemakmuran. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Baqarah, ayat 126:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ
ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ
عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka". Allah berfirman:" (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali".*

Menjaga dan memelihara keamanan tanah air ini adalah tanggungjawab kita bersama. Apabila keamanan dan kedaulatan negara diganggu gugat, maka perlulah dipertahankan mengikut undang-undang negara. Ancaman keselamatan seperti ancaman

komunis, peristiwa 13 Mei, Tragedi Bukit Kepong 1950 dan pencerobohan di Lahad Datu, sebenarnya telah memberi satu pengajaran yang amat besar kepada kita semua bahawa kedaulatan dan keamanan negara merupakan satu perkara yang tidak boleh diambil mudah malah perlu dipertahankan kerana ia membabitkan maruah tanah air.

Sesungguhnya, suasana aman yang kita nikmati ketika ini adalah atas jerih usaha, perjuangan dan pengorbanan pasukan keselamatan negara termasuklah Polis Diraja Malaysia. Kita amat bersyukur kerana pasukan Polis Diraja Malaysia mempunyai kemampuan yang amat membanggakan dari segi fizikal dan spiritual, ilmu dan latihan, prasarana dan logistik dalam mencegah dan membendung segala bentuk anasir yang boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara.

Namun, perlu disedari bahawa usaha mencegah dan membendung jenayah tersebut mutakhir ini semakin hari semakin mencabar, selari dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Maka, kerjasama dan penglibatan semua pihak amatlah diperlukan dan dihargai dalam membanteras kegiatan jenayah.

Justeru, tema sambutan Peringatan Hari Polis yang ke-214 pada tahun ini iaitu “Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada”, adalah diharapkan pihak Polis Diraja Malaysia dan masyarakat seluruhnya menggembleng tenaga dan usaha bersama-sama membantu dan menjaga keamanan serta keselamatan negara. Hal ini bertepatan

dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Ma'idah, ayat 2 yang bermaksud:

“... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

Begitu juga dengan saranan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tabarani *rahimahullah* daripada Huzaifah bin al-Yaman *radiallahu anhu* yang maksudnya:

((Sesiapa yang tidak mengambil tahu tentang urusan orang Islam, maka dia tidak termasuk dari kalangan mereka. Sesiapa yang ada pada pagi dan petangnya tidak ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya dan kitab-Nya dan pemimpinnya dan kepada umat Islam, maka dia tidak termasuk dari kalangan mereka (umat Islam).))

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Seiring dengan usia Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ke 214, PDRM dilihat sudah cukup matang dalam mengemudi sebuah organisasi keselamatan utama negara. Sudah pasti banyak transformasi dan anjakan baru berlaku dalam tempoh tersebut. Namun, sasaran pencapaian ini masih belum mencukupi kerana tanggungjawab memikul dan menggalas amanah bagi memastikan keselamatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman

dan pencerobohan pihak musuh tidak pernah berkurangan.

Renungkanlah, sejak zaman komunis, konfrantasi, darurat hinggalah kini, semuanya dihadapi oleh perwira dan perajurit negara ini dengan penuh iltizam dan integriti. Mereka telah menzahirkan pengorbanan yang cukup besar demi agama, bangsa dan negara sehingga ada yang gugur, tercedera atau hilang upaya. Inilah bayaran perjuangan yang mereka terima dalam memastikan negara terus aman damai sampai bila-bila.

Justeru, bersempena dengan Peringatan Hari Polis Ke-214 pada 25 Mac 2021, maka khatib ingin berpesan agar semua anggota PDRM sentiasa berusaha mempertingkatkan keimanan, memperkukuhkan sifat tawakal kepada Allah *subhanahu wata'ala*, dan berkhidmat dengan penuh ikhlas, profesional serta amanah. Ingatlah bahawa tugas yang dilaksanakan itu sebahagian daripada fardhu kifayah dan ibadah. Semoga kesejahteraan masyarakat, kedaulatan negara dan keteguhan syiar Islam akan terus terpelihara serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut, antaranya:

Pertama : Pasukan Polis Diraja Malaysia merupakan tunjang utama keselamatan negara yang diwujudkan sejak dahulu selari dengan tuntutan pentadbiran sebuah negara Islam;

Kedua : Jasa para perwira negara dalam menjamin keselamatan dan membantu pembangunan negara amat besar dan perlu

dikenang;

Ketiga : Masyarakat hendaklah menguatkan semangat, bersatu padu dan bersikap positif dalam menghadapi ujian Allah *subhanahu wata'ala*;

Keempat : Permuafakatan seluruh rakyat dan pemerintah terhadap keselamatan dan kedaulatan negara akan membawa berkat.

Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, ayat 71:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ
الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ اَرْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ
وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.